

Menyemarakkan Semangat Rasa Sayang dan Cintakan Negara

Oleh: Hasdura Abd. Hamid

Tema 'Malaysiaku Berdaulat : Tanah Tumpahnya Darahku' telah dipilih sebagai tema Hari Kemerdekaan ke-56. Tema yang lebih bersifat perpaduan dan berorientasikan kepada patriotik dan kesatuan negara bangsa ini dipilih bagi memberikan peringatan kepada rakyat akan kepentingan bersatu mempertahankan negara di samping mewujudkan kesedaran rasa sayang dan cintakan negara.

Sempena sambutan Hari Kemerdekaan ke 56 ini, Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBPM) telah memberi laluan kepada pelawat portal IPPBM untuk berkongsi maklumat aktiviti-aktiviti yang diadakan ke laman sesawang Sambutan Kemerdekaan (<http://www.malaysiamerdeka.gov.my>) untuk para belia bagi mendapat informasi bagi meraka hari kegemilangan ini.



FAKTA JALUR GEMILANG

- Ilham untuk menamakan bendera Malaysia kepada Jalur Gemilang telah diusulkan oleh Datuk Hashim Mat Idris. Cadangan berkenaan dikemukakan kepada mantan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir pada 11 Julai 1995.
- Pada 1 Julai 1996, urus setia menguruskan nama mengemukakan 75 cadangan berserta ulasan dan huriahan. Tiga nama disenarai pendekkan iaitu Setia Perkasa, Seri Setia Perkasa dan Seri Setia Negara.
- Tiga nama ini bagaimanapun telah ditolak oleh Jemaah Menteri ketika mesyuarat diadakan pada 11 September 1996.
- 28 nama lagi dicadangkan dan pada 2 Jun 1997, tiga nama dicalon mengikut keutamaan iaitu Jalur Gemilang, Jalur Nusa Gemilang dan Jalur Sinar Gemilang.
- Pengisytiharan Jalur Gemilang telah dilakukan oleh Tun Dr Mahathir, pada 30 Ogos 1997, jam 11.58 malam di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur.
- Maksud lambang dan warna Jalur Gemilang:
 - Lambang Jalur pada bendera menggambarkan satu laluan lurus, hala tuju dan arah yang sama dianuti rakyat negara ini.
 - Gemilang bermaksud berchaya, terang benderang dan cemerlang. Jalur Gemilang melambangkan kecermerlangan negara dan rakyat Malaysia dalam mengharungi suasana

Disunting oleh: Shah Romnizam Ramli



FACT SHEETS:

TEMA DAN LOGO SAMBUTAN HARI KEMERDEKAAN MALAYSIA 1993-2013

Disunting oleh: Shariffah Mamat

Tahun: 1993 Sambutan Kemerdekaan ke-36 tahun. 	Tahun: 1994 Sambutan Kemerdekaan ke-37 tahun.
Tema: Bersatu Menuju Wawasan	Tema: Nilai Murni Jayakan Wawasan
Tahun: 1995 Sambutan Kemerdekaan ke-38 tahun. 	Tahun: 1996 Sambutan Kemerdekaan ke-39 tahun.
Tema: Jatidiri Penggerak Wawasan	Tema: Budaya Penentu Kecapaihan
Tahun: 1997 Sambutan Kemerdekaan ke-40 tahun. 	Tahun: 1998 Sambutan Kemerdekaan ke-41 tahun.
Tema: Akhlik Mulia Masyarakat Jaya	Tema: Negara Kita, Tanggungjawab Kita
Tahun: 1999 Sambutan Kemerdekaan ke-42 tahun. 	Tahun: 2000-2006 Sambutan Kemerdekaan ke-43 hingga 49 tahun.
Tema: Bersatu Ke Alaf Baru	Tema: Keranamu Malaysia
Tahun: 2007 Sambutan Kemerdekaan ke-50 tahun. 	Tahun: 2008 Sambutan Kemerdekaan ke-51 tahun.
Tema: Malaysiaku Gemilang	Tema: Perpaduan Teras Kejayaan
Tahun: 2009 Sambutan Kemerdekaan ke-52 tahun. 	Tahun: 2010 Sambutan Kemerdekaan ke-53 tahun.
Tema: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan	Tema: 1 Malaysia: Menjana Transformasi
Tahun: 2011 Sambutan Kemerdekaan ke-54 tahun. 	Tahun: 2012 Sambutan Kemerdekaan ke-55 tahun.
Tema: 1 Malaysia: Transformasi Berjaya, Rakyat Sejahtera	Tema: 55 tahun merdeka-janji ditepati
Nota: Logo ditarik balik kemudian	Nota: Logo ditarik balik kemudian
Tahun: 2013 Sambutan Kemerdekaan ke-56 tahun. 	Tema: Malaysiaku Berdaulat: Tanah Tumpahnya Darahku

Sumber: <http://www.malaysiancoin.com/2012/08/koleksi-lengkap-logo-tema-merdeka.html>

ULASAN BUKU PILIHAN

Tajuk : Mujahid Agung: Kisah Seorang Pejuang Kemerdekaan
Penulis : Affifudin Haji Omar
Penerbit : Affifudin Omar, Kuala Lumpur
Tahun : 2010




Di bangku sekolah lagi, Haji Omar memperjuangkan kemerdekaan; Kemerdekaan dirinya daripada diskriminasi sosial ke atas orang-orang pendatang yang dipanggil orang bangsat. Dia adalah putra kepada Haji Saleh dan Hajah Kalsom pendatang dari Kampar, Sumatera. Di zaman remaja dia berjuang membebaskan dirinya daripada kemiskinan dan seterusnya mengejar ilmu. Apabila dewasa dan mendapat tempat sebagai pemimpin masyarakat di Kedah, dia sangat aktif memperjuangkan kemerdekaan bangsa dan negara, sehingga mempertaruhkan nyawa melawan kekejaman Jepun dan kekejaman gerombolan Bintang Tiga yang seterusnya menjadi nucleus Parti Komunis Malaysia.

Apabila menjadi anggota pentadbiran kerajaan yang dipilih rakyat, dia berjuang melawan rasuah, judi dan sebagainya bagi mengecap nikmat hidup di dalam negara merdeka. Keseluruhan *biographical* novel ini membawa pembaca melayari perjalanan sosial politik Malaysia dari zaman sebelum dan selepas Merdeka.

Tajuk : *Sharing the Nation: Faith, Difference, Power and the State 50 Years After Merdeka*

Penulis : Noraini Othman; Mavis C. Puthuc
Penerbit : Strategic Info Research
Tahun : 1 Mac 2008



Malaysians' nations independence and its Constitution are grounded upon the political bargaining process and ensuing social contract that made them possible. Yet two major questions central to the Merdeka process persist.

First, what exactly were the terms, and what is now the current standing and force, of that social contract? Still blurred and ill-understood after fifty years of national independence, the answers to this question remain central to the life of the nation.

Second, under the independence Constitution that rests upon what has become retrospectively known as the nation social contract, what specifically was the agreed constitutional position of Islam? What was the mutually accepted religion and society status quo that the Constitution, its framers and the parties consenting to its adoption sought to establish? Did those understandings establish Malaysia as an Islamic state or indirectly permit it to evolve into, or even encourage its development as, an Islamic state? Or did they seek to preclude that direction of development?

Disunting Oleh : Nuurul Mizan Ya'cob
Raja Shahida Raja Hassan

Edisi 3/2013

ISSN 2180 - 4044

www.ippbm.gov.my

Fakta

Tindakan Belia Dalam Menentukan MASA DEPAN NEGARA

Oleh : Mastura Mohamad

Belia dan masyarakat di seluruh dunia baru sahaja menyambut Hari Belia Antarabangsa yang jatuh pada 12 Ogos lalu. Ini merupakan sambutan kali ke-14, yang mana pertama kali ia disambut pada 12 Ogos 2000. Sambutan pada kali ini membawa tema 'Youth Migration: Moving Development Forward.' Hari tersebut telah diraikan bagi menarik perhatian seluruh dunia dalam memberi kesedaran, menyumbang peranan dan membuka peluang dalam membincangkan isu-isu belia. Pada bulan yang sama, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) juga telah menetapkan tarikh 19 Ogos pada setiap tahun sebagai 'Hari Kemanusiaan Sedunia' (World Humanitarian Day). Ia disambut bertepatan dengan ulang tahun serangan pengasas di Ibu Pejabat PBB di Baghdad, Iraq pada tahun 2003. Hari tersebut ditetapkan bagi menarik perhatian bukan sahaja dalam kalangan pekerja-pekerja kemanusiaan, namun ia bagi memenuhi keperluan kemanusiaan di seluruh negara.

Bagaimanapula keadaannya sambutan hari-hari tersebut dalam kalangan belia di negara lain. Apa yang berlaku di Mesir umpsamanya, isu pergiolakan demokrasi telah merugikan ribuan nyawa khususnya golongan belia, wanita dan kanak-kanak. Cara menggulingkan kerajaan dengan menggunakan kuasa tentera amat dikutuk dan menunjukkan ketidakrasionalan dalam bertindak. Dilihat pada hari ini, rakyat di negara tersebut telah gagal menyurakan hak mengikuti platform yang betul. Sebagai negara yang mengamalkan pemerintahan secara demokrasi seharusnya membuka ruang untuk mengadakan demonstrasi secara aman tanpa melibatkan senjata dan kekerasan, seterusnya mengadakan pilihan raya yang adil bagi menentukan tumpuan pemerintahan. Di sinilah mencerminkan peranan belia. Sudah tentulah golongan belia yang paling ramai terlibat dalam isu ini.

Walau bagaimanapun, timbul persoalan iaitu sejauh manakah hari-hari yang telah ditetapkan ini disambut oleh masyarakat khususnya golongan belia? Bagi situasi dalam negara kita, keamanan yang dikehendaki pada hari ini membawa seribu rahmat kerana belia mempunyai ruang dan masa dalam menentukan tindakan mereka. Belia masih boleh terlibat dengan program-program dan membincangkan isu-isu semasa mengenai kelompok mereka. Umpamanya, semasa Majlis Perundingan Belia Negara (MPBN) yang telah diadakan pada 22 Ogos 2013, suara belia lantang dilaungkan. Peranan, keperluan dan hak-hak belia dari pelbagai aspek

dibincangkan termasuklah berkaitan dengan isu-isu sejagat. Namun, tidak dinafikan masih terdapat segelintir belia yang tidak mengambil bahagian atau menyumbang peranan sebagai belia. Masih terdapat golongan belia kita yang leka dan ada kalanya bertindak tidak rasional dalam membuat sesuatu keputusan. Ini amat merugikan dan membincangkan jika tindakan mereka boleh membahayakan negara.

Bagaimanapula keadaannya sambutan hari-hari tersebut dalam kalangan belia di negara lain. Apa yang berlaku di Mesir umpsamanya, isu pergiolakan demokrasi telah merugikan ribuan nyawa khususnya golongan belia, wanita dan kanak-kanak. Cara menggulingkan kerajaan dengan menggunakan kuasa tentera amat dikutuk dan menunjukkan ketidakrasionalan dalam bertindak. Dilihat pada hari ini, rakyat di negara tersebut telah gagal menyurakan hak mengikuti platform yang betul. Sebagai negara yang mengamalkan pemerintahan secara demokrasi seharusnya membuka ruang untuk mengadakan demonstrasi secara aman tanpa melibatkan senjata dan kekerasan, seterusnya mengadakan pilihan raya yang adil bagi menentukan tumpuan pemerintahan. Di sinilah mencerminkan peranan belia. Sudah tentulah golongan belia yang paling ramai terlibat dalam isu ini.

Selamat menyambut Hari Malaysia yang ke-50, cintalah dan hargailah negara kita.

Pergaulan mempengaruhi didikan otak. Oleh itu, untuk kebersihan jiwa hendaklah bergaul dengan orang-orang beradab dan berbudi mulia yang dapat kita kutip manfaatnya. (Hamka)

Cetusan CEO



TUNJANG PERPADUAN KITA

Edisi Buletin Fakta kali ini muncul dalam suasana kita sedang meraikan perpaduan dalam kepelbagaian dan dalam tempoh beberapa hari sahaja lagi untuk menyambut ulang tahun kemerdekaan Malaysia yang ke-56 kalinya. Syabas dan tahniah buat semua rakyat Malaysia. Namun demikian, pernahkah kita bertanya kepada diri sendiri sejauh manakah tahap perpaduan yang wujud dalam negara kita?

Perpecahan dan permusuhan merupakan perbuatan atau gejala masyarakat yang sangat membinaasan. Perpecahan dikuak kerana ia boleh melemahkan kita sebagai rakyat Malaysia di persada dunia hari ini dan juga esok. Perpecahan hanya akan melemahkan kita dalam pelbagai keadaan serta menjadikan negara lemah dan tidak mampu menghadapi cabaran yang ada dan akibatnya kita akan dijajah semula oleh kuasa-kuasa asing secara penjajahan politik ataupun melalui penjajahan ekonomi.

Isu serta perlakuan demokrasi yang berlaku dan berlarutan seperti yang dilalui oleh negara Mesir adalah contoh membuktikan kesan langsung daripada rampasan kuasa oleh pihak tentera ke atas Presiden Muhammad Mursi yang digulingkan pada 3 Julai 2013 yang lalu. Sebagai tindak balas, para penyokong Presiden Mursi mengadakan protes dan tunjuk perasaan di seluruh Mesir. Di Malaysia juga tidak kurang hebatnya dengan kontroversi dalam industri perfileman melalui tayangan filem "Tanda Putera". Filem tersebut menggarapkan perjuangan dan pengorbanan bekas Perdana Menteri, Tun Abdul Razak Hussein untuk memulihkan kemanan dan perpaduan negara selepas rusuhan kaum cina pada 13 Mei 1969. Manakala filem "New Village" pula memaparkan kisah yang berlaku pada 1949 ketika Tanah Laut diisytiharkan darurat dan menyatakan bahawa Parti Komunis Malaya (PKM) dan Malayan People Anti Japanese Army (MPAJA) sebagai pejuang kemerdekaan. Kesemua contoh ini adalah peta sejarah silam yang seharusnya membangkitkan semangat cintakan negara dalam kalangan generasi muda terutama Generasi Y. Semangat ini akan wujud sekiranya generasi ini mengambil masa untuk menghayatinya dan bukan mengkritik semata-mata.

Sebagai agensi yang terlibat dalam membangunkan sahsia belia, antara kaedah yang dapat dilaksanakan untuk mengekalkan perpaduan dalam sesebuah negara ialah dengan memupuk semangat patriotisme dalam kalangan rakyatnya terutama para belia. Malaysia akan berbangga mempunyai warga belia yang menyayangi negaranya dan bersedia untuk mempertahankan negara. Lambang-lambang kebesaran negara seperti bendera, lagu kebangsaan dan jata negara juga harus dikenali dan dihormati oleh setiap warganegara Malaysia. Bendera negara kita, Jata Gemilang haruslah dikibarkan dengan penuh semangat dan dihormati sebagai sesuatu yang suci. Semangat kekitaan juga amat penting dalam mengekalkan perpaduan negara. Semangat tersebut dapat diwujudkan dengan memupuk amalan bertolak ansur, sabar, dan mengawal diri demi mengelakkan pertelingkahan serta perselisihan saham demi kesejahteraan hidup. Sifat bersatu-padu antara para belia yang berbilang kaum amat penting untuk mewujudkan keharmonian dan semangat berjuang untuk negara, bukannya untuk bangsa atau kaum sendiri.

Seruan saya kepada para belia, kenalilah dan hormatilah raja dan pemimpin negara kita kerana mereka yang berusaha mengekalkan keamanan dan kesejahteraan negara hingga ke tahap ini. Usaha-usaha mereka untuk memajukan negara haruslah sentiasa disokong, bukannya dikritik. Perjuangan tokoh-tokoh negara seperti Tunku Abdul Rahman yang memainkan peranan yang penting dalam memperjuangkan kemerdekaan negara haruslah diambil tahu dan dihargai. Tanpa pejuang seperti mereka, negara kita mungkin masih di tangan penjajah asing. Sesungguhnya perpaduanlah merupakan tunjang bagi kemakmuran dan keamanan negara ini.

"MALAYSIAKU BERDAULAT: TANAH TUMPAHNYA DARAHKU"


Dr. Wasitah Bt. Hj. Mohd Yusof
Ketua Pegawai Eksekutif
Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBM)

SIDANG REDAKSI

Penaung
YB. Enolk Khairy Jamaluddin
Menteri Belia dan Sukan Malaysia

Penasihat
Dr. Wasitah Bt. Hj. Mohd Yusof
Ketua Pegawai Eksekutif

Ketua Pengarang
Hj. Zakariah Md. Sam

Ketua Editor
Nadya Shaffinaz Bajuri

Sidang Redaksi
Zul Fadhl Abd Aziz
Suraya Sulaiman
Shahhanim Yahya
Masutura Mohamad
Shariffah Mamat
Noor Afifah Johari
Nuurul Mizaan Ya'cob
Mohd Rizal Mohd Sham
Mohd Saiful Nizam Mohd Zahri
Shah Romnizam Ramli
Vydya Yazmin Muhammad Yahya
Raja Shahida Raja Hassan

Publisiti
Noor Sheila Bt. Mhd Nasir
Ariffin Abdul Rahman

Sila hantarkan sebarang komen
dan pertanyaan anda kepada:
info@ippbm.gov.my



GENERASI MUDA ASAS KEPADA PEMBENTUKAN PERPADUAN

Oleh: Mohd Rizal Mohd Sham



Perpaduan adalah satu elemen yang paling penting dalam sesebuah negara seperti Malaysia. Keunikan Malaysia adalah terdiri daripada kepelbagaian kaum dan budaya yang terdapat dalam masyarakatnya yang berjumlah seramai 29.33 juta penduduk pada tahun 2012. Seramai 14.77 juta penduduk terdiri dalam kalangan etnik Melayu, 6.51 juta daripada etnik Cina, 1.95 juta daripada etnik India dan selebihnya terdiri daripada lain-lain etnik. Kepelbagaian budaya, bahasa dan agama ini boleh memberi pelbagai implikasi negatif sekiranya perpaduan rakyat dalam sesebuah negara tidak dapat diwujudkan dengan baik dan berkesan. Hubungan etnik dan integrasi nasional adalah satu isu yang penting dalam pembinaan negara Malaysia yang berbilang etnik. Kepelbagaian ini telah menuntut satu pendekatan yang membolehkan kesemua etnik ini dapat hidup bersama, menerima sistem nilai dan budaya dan berusaha berganding bahu memajukan negara tanpa perasaan syak wasangka dan hidup dalam harmoni, stabil dan makmur.

Oleh hal demikian, soal perpaduan dan hubungan di antara kaum merupakan agenda penting negara dalam asas pembentukan sebuah negara yang progresif dan maju. Golongan belia sebagai sebahagian utama populasi rakyat Malaysia merupakan komponen penting ke arah usaha ini. Ini kerana golongan ini berperanan sebagai pewaris dan tunjang negara yang mendukung cabaran perdata negara. Golongan belia Malaysia yang mewakili 45.6 peratus (13.37 Juta) daripada 29.33 juta penduduk mestи mempunyai kesedaran peri pentingnya usaha memupuk dan memelihara perpaduan yang dilihat sebagai pemangkin kemajuan dan keamanan dalam negara ini.

Jika diimbaskan kembali kepada sejarah titik hitam berkaitan kerapuhan terhadap semangat perpaduan, para belia perlu menghayati dan mengambil ikhtiar daripada sejarah negara supaya sesuatu yang buruk dapat dihindarkan contohnya, insiden tragedi 13 Mei 1969 merupakan satu detik hitam dalam sejarah yang berlaku akibat ketirisan semangat perpaduan yang rapuh dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum.

Memang tidak dinafikan konflik perkauman

ARTIKEL PENYELIDIKAN:

Disunting oleh:
Zul Fadhl Abd Aziz

PERSEPSI BELIA TERHADAP ISU PENCEROBOHAN ASING DI LAHAD DATU, SABAH

Kerjasama IPPBM & Prof. Madya Dr. Mohamed Sharif bin Mustafa (Universiti Teknologi Malaysia), 2013.

11 Februari 2013 adalah satu tarikh yang akan diingati oleh seluruh rakyat Malaysia terutamanya kepada penduduk Sabah, di mana sekumpulan penceroboh dari Filipina telah menceroboh perairan negara dengan mendarat di Kampung Tanduo, Lahad Datu, Sabah. Kumpulan penceroboh ini dikenali sebagai "Angkatan Keselamatan Diraja Kesultanan Sulu" yang dihantar oleh Jamalul Kiram III yang mengaku sebagai pewaris Kesultanan Sulu. Krisis yang dihadapi oleh negara dalam tempoh pencerobohan ini telah menimbulkan pelbagai keraguan dan persepsi terhadap isu keselamatan negara.

Justeru itu, Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBM) telah bekerjasama dengan Prof. Madya Dr. Mohamed Sharif bin Mustafa dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM) untuk melaksanakan satu kajian berbentuk deskripsi yang bertajuk "**Persepsi Belia Terhadap Isu Pencerobohan Asing Di Lahad Datu, Sabah**". Objektif kepada kajian ini adalah untuk mengenal pasti persepsi belia dari aspek pengetahuan, kesedaran dan reaksi yang boleh diambil dalam menangani isu pencerobohan asing di Lahad Datu. Kajian ini juga dapat memberikan gambaran mengenai corak pemikiran para belia pada masa sekarang terhadap isu-isu semasa terutama dari segi latar belakang sejarnah setempat dan hala tuju masa depan negara serta semangat patriotik dalam kalangan belia yang berada di kawasan yang mengalami peristiwa pencerobohan asing di Lahad Datu, Sabah.

Metodologi kajian ini adalah menggunakan borang soal selidik bagi mengumpul data dengan tujuan untuk mendapatkan gambaran yang jelas tentang persepsi golongan belia terhadap kerajaan mengenai pencerobohan dan keamanan negara meliputi aspek pengetahuan, kesedaran dan reaksi para belia terhadap situasi yang berlaku di Lahad Datu, Sabah. Manakala pensampelan kajian adalah melibatkan responden seramai 262 orang belia yang berumur di antara 21 hingga 40 tahun yang berada di Lahad Datu dan juga di luar daerah Lahad Datu iaitu di Kunak, Semporna dan Tawau.

Dapatkan kajian mengenai faktor pengetahuan responden tentang isu pencerobohan asing di Lahad Datu menunjukkan 235 orang responden (89.7%) menyatakan bahawa maklumat tentang isu ini positif yang demikian, penemuan kajian ini memberikan gambaran positif bahawa golongan belia sangat bersemangat patriotik dalam menunjukkan kesetiannya kepada negara. Selain itu, adalah diharapkan agar dapatkan kajian ini boleh dijadikan panduan kepada pihak kerajaan khususnya dalam menangani isu keselamatan negara pada masa akan datang.

Maklumat Isu Semasa Melalui Media

